

TPM tekad pastikan perpaduan kaum kekal

UM 23 SEP 2003

PULAU PINANG 22 Sept. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi bertekad memastikan perpaduan kaum dan semangat muhibah di kalangan rakyat berkekalan selepas beliau mengambil alih kepimpinan negara Oktober ini.

Bagaimanapun, tegas Timbalan Perdana Menteri, usaha itu tidak boleh dilakukan oleh beliau bersendirian sebaliknya ia memerlukan kerjasama semua kaum.

“InsyaAllah dengan izin dan takdir Allah apabila saya mengambil alih kepimpinan negara, satu perkara yang saya tidak lupa dan telah menjadi pegangan sejak era Tunku Abdul Rahman dan kemudian oleh Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn dan masih berkekalan pada era Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, akan diteruskan.

“Saya akan pastikan semangat muhibah dan perpaduan antara kaum ini tetap berkekalan,” katanya ketika berucap melancarkan Jawatankuasa Perundingan Muhibah Pulau Pinang di Dewan Sri Pinang di sini, hari ini.

Beliau turut berpuas hati dengan kejayaan perpaduan kaum di negara ini yang disifatkan semakin kukuh.

Dalam aspek ini, Abdullah, mahu rakyat memandang jauh ke depan dalam memastikan bukan sahaja pembangunan negara berterusan malahan hubungan antara kaum terus dipereratkan.

“Mungkin tidak ada apa lagi yang nak dicakapkan, tetapi kadang kala kita lupa. Perdana Menteri kata Melayu sudah lupa, tetapi bukan orang Melayu sahaja, orang lain (kaum lain) juga begitu.

“Kita mahu keadaan kita terus beringat dengan mengasuh dan mendidik diri mengenai perkara ini,” katanya.

Abdullah turut berasa bangga kerana bangsa lain khususnya pelancong asing tidak merujuk kaum-kaum di Malaysia itu sebagai orang Cina, India dan Melayu sebaliknya mereka menganggap rakyat negara ini sebagai bangsa Malaysia.

Tegasnya: “Ini bererti kita telah mencapai perpaduan kaum yang baik dan hubungan itu perlu terus diperkukuhkan. Kita perlu

sama-sama memberi sumbangan demi masa depan yang terjamin.”

Abdullah menegaskan usaha mengekalkan perpaduan kaum perlu dilaksanakan dalam semua urusan kehidupan termasuk perancangan masa depan melalui pendekatan secara bermuafakat, perbincangan dan dialog.

Katanya, walaupun wujud perbezaan budaya, agama dan keturunan, matlamat rakyat negara ini sebenarnya adalah sama iaitu mahu mengekalkan hidup bersatu padu dan meneri-

ma negara ini sebagai tanah kelahiran mereka.

Katanya: “Dulu kita sering dengar bahawa orang cakat kaum Cina akan balik Fongsan (China), orang India akan balik ke India dan orang Melayu terus kekal di sini.

“Kumpulan (kaum bukan Melayu) ini dianggap datang ke sini untuk mencari rezeki dan hantar balik wang ke negara asal. Namun, cakap-cakap sebegini tidak lagi disebut pada masa ini kerana kita (rakyat pelbagai kaum) menganggap Malaysia ini sebagai negara kita.”

Jawatankuasa Perundingan Muhibah Pulau Pinang ditubuhkan untuk berfungsi sebagai satu forum bagi memudahkan penglibatan persatuan-persatuan pelbagai kaum yang bukan berorientasikan politik dalam menjalin kerjasama yang berkesan dan harmoni.

Jawatankuasa yang dianggotai 14 persatuan dan pertubuhan pelbagai kaum itu berperanan mengadakan aktiviti bercorak kebudayaan, sosial, sukan, kebajikan dan integrasi kaum.